

BUDI95, bantuan tunai lonjak sokongan rakyat terhadap Anwar

CIMB Securities yakin kedudukan Kerajaan Perpaduan pada peringkat nasional semakin kukuh

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Pelaksanaan BUDI MADANI RON95 (BUDI95) dan program bantuan tunai kerajaan melonjakkan sokongan rakyat terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sekali gus memperkukuh kedudukan Kerajaan Perpaduan di peringkat nasional, menurut CIMB Securities.

Firma pembrokeran pasaran itu berkata, kadar sokongan terhadap Perdana Menteri kini meningkat semula kepada sekitar 50 peratus selepas menurun awal tahun ini berikutan pelaksanaan peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) serta rasio-

nalisis subsidi.

"Langkah kerajaan memperkenankan subsidi petrol RON95 bersasar di bawah inisiatif BUDI95 serta bantuan tunai kepada golongan sasar telah memperbaiki sentimen rakyat, khususnya di Selangor dan Sabah.

"Malah, sokongan pengundi muda kini melebihi 60 peratus, menunjukkan keyakinan terhadap pendekatan reformasi ekonomi yang dilaksanakan Perdana Menteri," katanya dalam satu nota penyelidikan yang disediakan oleh penganalisis, Ivy Ng Lee Fang dan Yue Jia Lim.

Kerajaan kekal stabil

CIMB Securities berkata, Kerajaan Perpaduan yang diterajui Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) kekal stabil dan kukuh dengan sokongan daripada rakan gabungan di Sabah dan Sarawak yang menjadikan gabungan itu menguasai hampir majoriti besar di Parlimen.

Ia menjelaskan, risiko terhadap kestabilan kerajaan adalah rendah, memandangkan UMNO dijangka kekal menyokong kerajaan berikutan peranan penting



Inisiatif BUDI95 serta bantuan tunai kepada golongan sasar memperbaiki sentimen rakyat terhadap kerajaan.

parti itu dalam pentadbiran serta pembabitannya dalam Kabinet Persekutuan.

Mengenai Pilihan Raya Umum Ke-16 pula, terdapat 50 peratus kemungkinan akan diadakan sama ada pada suku keempat 2026 atau suku pertama 2027.

Menurut CIMB Securities, ia sejajar usaha Perdana Menteri untuk menyelaraskan pilihan ra-

ya Persekutuan dengan pilihan raya negeri Johor dan Melaka.

"Belanjawan 2027 yang dijangka dibentangkan pada Oktober 2026 bakal menjadi petunjuk utama menjelang pilihan raya.

"Jika kerajaan memperkenalkan belanjawan yang bersifat mengembang dan mesra rakyat, termasuk peningkatan bantuan tunai serta peruntukan infrastruk-

tur, itu mungkin isyarat pilihan raya semakin hampir," katanya.

Sementara itu, CIMB Securities berkata, rombakan Kabinet dijangka bakal dilaksanakan pada Disember 2025.

Menurutnya, ia adalah selepas sidang Dewan Rakyat tamat pada 4 Disember dengan portfolio penting seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRES) menjadi tumpuan.

Katanya, kedua-dua kementerian itu akan mencerminkan arah dasar pelaburan, tarikan pelaburan langsung asing (FDI) dan pembangunan mineral kritikal seperti bahan nadir bumi.

"Bagi Sarawak, pilihan raya negeri dijangka diadakan secara berasingan, dengan tempoh paling awal sekitar April 2026, namun lebih berkemungkinan pada separuh kedua 2026," katanya.

Mengenai prestasi pembangunan pula, CIMB Securities berkata, Perikatan Nasional (PN) berdepan cabaran dalaman serta kelesuan kepimpinan dengan BERSATU semakin lemah dan bergantung kepada jentera PAS.